

UMNO pupuk semangat usahawan

SH 30/6/08 M/s 523

Melalui program seumpama ini, kita mampu menyatupadukan semua penduduk dan menjalankan aktiviti yang berfaedah kepada generasi muda terutamanya kepada golongan belia dan beliawanis.

tempat malah antara ahli wanita UMNO Subang dan Tanjung Karang.

"Melalui program seumpama ini, kita mampu menyatupadukan semua penduduk dan menjalankan aktiviti yang berfaedah kepada generasi muda terutamanya kepada golongan belia dan beliawanis.

"Aktiviti ini bertujuan untuk memupuk semangat usahawan di kalangan penduduk agar menjadikan sektor penternakan satu bidang yang mampu meningkatkan pendapatan sampingan," katanya.

Tambahnya, kerjasama semua pihak termasuk wanita UMNO Subang dapat diraih dan mengalu-alukan kehadiran masyarakat luar untuk mengenali kawasan di bawah Parlimen Tanjung Karang dengan lebih dekat.

"Kehadiran wanita UMNO Subang ini disambut dengan pelbagai aktiviti menarik dan mereka berpeluang menikmati suasana hidup berkampung di Homestay Sungai Sirih selama



Zainab (dua dari kiri) merakam kenangan bersama peserta pertandingan memancing sempena Program Selingkar Kasih di Blok H, kelmarin.

dua hari.

"Selain itu, mereka dibawa ke kawasan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan kawasan peninggalan sejarah bagi memberi pendedahan terhadap pro-

duk pelancongan yang ada di daerah ini," ujarnya.

Beliau yang juga merangkap Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) berharap

program seumpama ini akan terus dianjurkan setiap tahun apabila melihat sambutan yang menggalakkan.

Turut hadir, Penyelia Kemas Parlimen Tanjung

Karang, Jamisah Abd Rahman, Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK), Halimatun Saadiah Borhan dan Tok Sidang Blok H, Sharif Aspar.

■ ARZIANA MOHMAD AZAMAN

JALAN RADEN PUTIH - Seramai 700 penduduk setempat dan 120 Wanita UMNO Parlimen Subang hadir memeriahkan pertandingan memancing sempena Program Selingkar Kasih di Blok H, dekat sini, kelmarin.

Menurut Ketua Wanita UMNO Tanjung Karang, Zainab Sidek, program julung kali diadakan ini bukan sahaja bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara penduduk se-